

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI MUJAHID BIN YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan skop RCI Tabung Haji dan tujuan utama kenapa RCI Tabung Haji diperlukan.

JAWAPAN

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja ("RCI") bagi menyiasat isu-isu berbangkit mengenai Lembaga Tabung Haji ("LTH").
2. Sepertimana yang telah diputuskan oleh Jemaah Menteri pada 14 Julai 2021, barisan Kabinet telah bersetuju bahawa terma-terma bagi penubuhan RCI adalah memberi tumpuan kepada isu-isu berbangkit

mengenai LTH hasil pengauditan perunding-perunding iaitu PricewaterhouseCoopers, Ernst & Young dan Roland Berger terdahulu yang berlaku antara tahun 2014 hingga 2020.

3. Pada masa ini, Memorandum Jemaah Menteri (“MJM”) bagi membincangkan operasi pelaksanaan RCI ini telah disediakan dan mendapat kelulusan Jemaah Menteri. MJM ini merangkumi perkara seperti keahlian jawatankuasa RCI serta aspek-aspek, skop, pengoperasian pentadbiran dan logistik melibatkan segala pengurusan RCI.

4. Aspek tadbir urus, integriti dan reputasi LTH sebagai institusi simpanan kewangan Islam adalah amat penting bagi memastikan agar kedudukan kewangan LTH lebih kukuh dan stabil, untuk menjamin dan memelihara kepentingan para pendeposit dan jemaah haji Malaysia. Sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Tabung Haji 1995, simpanan pendeposit kekal selamat dan tetap dijamin oleh Kerajaan.

5. Hasil siasatan dan pandangan dari RCI kelak diharapkan dapat membantu LTH menambah baik dari segi pengurusan dan segala aspek tadbir urus.